

15/10/1998

MOM kembalikan mimpi Saravanan

Hussain Said

SELEPAS dinafikan hak memiliki Proton Perdana, G Saravanan (gambar kecil) masih boleh memasang impian untuk memandu kereta RM70,000 itu, apabila Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bersedia merayu penaja ganjaran mewah itu, Edaran Otomobil Malaysia (EON).

MOM serius memperjuangkan hak juara acara 50km jalan kaki Kuala Lumpur '98 itu, sebaik saja Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) mengesahkan catatan atlit kelahiran Pulau Pinang itu sebagai rekod kejohanan.

Setiausaha MOM, Sieh Kok Chi, berkata pihaknya akan mengemukakan surat rayuan itu secepat mungkin dan terpulang kepada EON untuk mempertimbangkannya.

"Kita sudah meneliti perkembangan itu dan berpendapat, walaupun acara yang disertai Saravanan itu baru diperkenalkan di Kuala Lumpur '98, tetapi secara teknikal dia adalah pemegang rekodnya serta akan menjadi rujukan masa depan.

"Yang pasti, kami akan kemukakan surat rayuan untuk menerangkan kedudukan sebenar catatan Saravanan itu. Lagipun, CGF turut mengesahkan ia adalah rekod temasya.

"Kami juga mengkaji beberapa catatan atlit lain dan tidak perlu dihebohkan. Jadi, kami serahkan segala-galanya kepada EON dan terpulang kepada mereka untuk mempertimbangkannya," kata Kok Chi selepas mesyuarat Lembaga MOM, di Kuala Lumpur semalam.

Terdahulu, Saravanan berpendapat catatannya 4 jam 10 minit 05 saat itu adalah rekod Sukan Komanwel sekali gus mengatasi rekod kebangsaan 4'14:14s bagi acara 50km jalan kaki.

Malah, atlit itu mendakwa dia juga berhak memiliki kereta nasional bersama peserta angkat berat, Mohd Hidayat Hamidon dan penembak, Nurul Hudda Baharin daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Jamuan Perdana pada 3 Oktober lalu.

Berikutan kegagalannya itu, dia berharap Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) memperjuangkan haknya, tetapi Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Mazlan Ahmad mendedahkan perkara sebenar di sebalik kegagalan Saravanan memperolehi kereta itu.

Menurut Mazlan, kekecewaan Saravanan itu banyak berpunca daripada kegagalan Timbalan Presiden KOAM, P Solomon membawa sebarang bukti serta dokumen dalam mesyuarat 30 September lalu bersama EON, MSN dan wakil persatuan sukan.

Kok Chi berkata, berdasarkan kontroversi itu, pihaknya mahukan setiap penaja yang mahu memberi penghargaan kepada atlit cemerlang dalam apa juga kejohanan selepas ini, merujuk pihaknya untuk mengetahui kriteria dan syarat sebenar.

"Lagipun, EON tidak merujuk kepada kami dalam menetapkan kriteria dan syarat yang perlu diikuti. Malah, syarat serta kriteria yang ditetapkan juga agak kabur.

"Jadi, kami minta penaja yang mahu mengiktiraf kejayaan atlit pada masa depan merujuk kepada kami untuk mengetahui syarat serta kriterianya," kata Kok Chi.

(END)